

# Pemanasan global jejas alam sekitar, kehidupan

S.H 14/08/08 ms 15

Oleh Nurhidayah Mohd Sabri  
*SMK Kampung Baru Si Rusa, Negeri Sembilan*

**P**EMANASAN global berlaku apabila gas seperti karbon dioksida, karbon monoksida dan CFC terkumpul di ruang atmosfera, sekali gus menjejaskan alam.

Fenomena ini menjadikan lapisan ozon yang berfungsi sebagai penapis cahaya matahari semakin menipis dan tidak mampu lagi menapis sinaran ultra ungu yang berbahaya lalu menyebabkan suhu bumi meningkat.

Dunia menjadi semakin panas apabila ketulan ais atau glasier di kawasan Antartika dan Artik mencair menyebab-

kan paras air laut meningkat.

Apabila paras air laut meningkat, maka semakin banyak bencana banjir yang ber-

laku. Contohnya, banjir kilat yang berlaku di Johor pada penghujung 2006.

Akibatnya, ramai pendu-

duk mengalami kerugian harta benda dan kehilangan ahli keluarga tersayang. Selain itu, pemanasan global menyebabkan beberapa spesies haiwan kehilangan habitat mereka.

Misalnya, pencairan glasier menyebabkan beruang kutub kehilangan habitat. Di manakah beruang kutub akan hidup jika tiada lagi glasier di muka bumi ini?

Kesihatan manusia juga akan terjejas kerana lapisan ozon yang menipis memaksimumkan jumlah sinaran ultra ungu yang memasuki bumi.

Sinaran ultra ungu menyebabkan kanser kulit dan katarak mata kepada manu-

sia. Selain itu, penyakit yang berbahaya juga mudah merebak apabila berlaku pemanasan global.

Kesimpulannya, pemanasan global banyak memberi kesan negatif kepada kehidupan dan alam sekitar. Namun begitu, pelbagai usaha atau inisiatif boleh dilakukan untuk mengurangkan pemanasan global.

Usaha itu ibarat melepaskan batok di tangga jika tidak mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak. Oleh itu, sama-samalah kita menghayati Protokol Kyoto dan melaksanakan seperti yang termaktub di dalam perjanjian itu.

**ANUGERAH:  
Kita bertanggungjawab melindungi dan menjaga sumber air untuk diwarisi generasi akan datang.**



GAMBAR OLEH ATIKAH MUHAMAD JAMIL, NARAINTHIRAN THOMATHARAN, NUR BAITI AHMAD NAZARI DAN ZULKEFILI SHAMSUDDIN, TAHUN 5, SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN DATO' HARUN (2), KUALA LUMPUR